

2.1 PENGHASILAN PRODUK

BAHAGIAN A

1 Antara berikut, yang manakah terdapat dalam kajian keperluan pelanggan?

- I Maklumat pelanggan
- II Latar belakang pengusaha
- III Latar belakang produk
- IV Penambahbaikan

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

2 Apakah langkah seterusnya selepas mengenal pasti masalah inventif?

- A Menentukan jenis percanggahan fizikal
- B Memilih prinsip inventif yang sesuai
- C Membuat analisis berantai punca – kesan
- D Membina model fungsi dengan garisan interaksi

3 Apakah maksud simbol inventif di bawah ini?



- A Pembawa fungsi
- B Penerima kesan
- C Elemen persekitaran yang mempengaruhi sesuatu sistem
- D Analisis berantai punca-kesan

4 Soalan berdasarkan pernyataan di bawah.

Pereka bentuk perlu menggabungkan dan mengaplikasikan teknologi yang sesuai semasa penghasilan reka bentuk produk

Apakah justifikasi pemilihan teknologi yang berkaitan pernyataan tersebut?

- A Aplikasi teknologi yang dipilih
- B Tujuan penggunaan teknologi
- C Fungsi teknologi
- D Kekuatan dan kelemahan teknologi

5 Komponen di bawah terdiri daripada reka bentuk elektrik **kecuali**...

- A bateri.
- B gear taji.
- C motor AT.
- D suis tekan tutup.

6 Apakah prinsip ekonomi bagi penghasilan sesuatu produk?

- I Ruang
- II Nilai
- III Harmoni
- IV Kontras

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

7 Gambar rajah mengenai prinsip reka bentuk.



Apakah prinsip reka bentuk yang berkaitan logo tersebut?

- A Kesatuan
- B Kepelbagaian
- C Keringkasan
- D Penekanan

8 Antara berikut, manakah maklumat yang perlu ada dalam lakaran 3D?

- I Nama produk
- II Saiz produk
- III Bahan yang digunakan
- IV Harga yang ditetapkan

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV

9 Apakah lakaran yang menunjukkan hubungan antara setiap komponen pada suatu reka bentuk produk?

- A Lakaran 2D
- B Lakaran 3D
- C Lakaran ceraian
- D Lakaran perspektif